

Ginjal



Cetakan 2017

Hak cipta terpelihara ©2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1615-5

Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura
Lelaman Internet: www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg



Dicetak pada tahun 2017 oleh:

Oxford Graphic Printers Pte Ltd
Tel: 6748 3898
www.oxfordgraphic.com.sg

Penulis

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunus
Nazarudin Abdul Bakar, Sekolah Menengah Bedok View
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

Catatan

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Sekapur Sirih

Rahsia merupakan antara koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau, Indonesia pada tahun 2016. Cerpen ini dihasilkan bagi menggalakkan pelajar agar minat membaca khususnya dalam kalangan pelajar Menengah 1 dan 2.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, pelajar mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa pelajar yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata pelajar memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Rahsia** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar.

Selamat membaca!

Mohamed Noh Daipi

Pengarah, Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran pelajar tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dalam cerpen ini termasuklah tema kesabaran, pengorbanan, keinsafan, saling membantu, perjuangan, kasih sayang dan pencemaran alam.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan pelajar. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan pelajar kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi pelajar.

Sekian.

Rahmat Subadah
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura
Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Rahsia**

GINJAL

Nazarudin Abdul Bakar

“**R**ina, Rina! Tolong bawa ibu ke tandas sekejap,” kedengaran suara Ibu memanggilku dari bilik. Aku memejamkan mataku. Fikiranku masih bercelaru. Satu demi satu perkara yang memerlukan perhatianku datang menerpa.

Aku menghela nafas panjang dan meletakkan lampiran bil elektrik serta yuran sekolah Adikku di atas meja. Aku tidak ingin Ibu tahu beban yang aku lalui. Aku pun pergi mendapatkan Ibu dan memapahnya ke tandas. Begitulah halnya sehari-hari. Aku ini ibarat tulang belakang Ibu. Dia sangat mengharapkanku. Sangat berharap.

“Terima kasih, Rina,” ucap Ibuku.

Aku kembali ke ruang tamu. Lampiran bil yang bertaburan di lantai aku kutip kembali. Aku tahu bahawa aku tidak dapat melarikan diri daripada kenyataan. Aku merenung angka-angka yang tertera dalam bil-bil itu. Fikiranku **galau**.

Fikiranku kemudiannya **menerawang** ke suatu episod seketika dahulu. Kemalangan yang menyebabkan Ibu merana dan **meragut** nyawa Ayah. Ketika itu, aku masih sukar untuk menerima apa yang telah terjadi. Panggilan daripada pihak polis untuk mengkhabarkan berita kemalangan itu merupakan satu episod ngeri dalam hidupku. Akibat kemalangan itu dunia Ibu mulai gelap. Yang mengkhawatirkan aku ketika itu adalah bagaimana kami sekeluarga dapat meneruskan kehidupan tanpa Ayah.

Lamunanku terhenti apabila aku terdengar bunyi pintu dibuka dari arah dapur. Aku pun pergi ke arah bunyi itu. Aku ternampak tubuh Adik di dalam tandas. Dia seperti dalam kesakitan. Aku menerpa Adikku. "Lina! Lina okey?"

Adik **memalingkan** mukanya ke arahku. Wajahnya pucat sekali. Lemah bagaikan tidak bermaya. Dia kelihatan seperti akan rebah pada bila-bila masa sahaja. Tiba-tiba, Lina memegang **tombol** pintu dan matanya berkelip dengan perlahan-lahan. Sejurus itu, badannya kaku lalu dia rebah ke lantai.

"Lina! Lina!" Aku memanggil namanya berulang kali. Aku menghampiri dan memangku Lina di ribaku.

"Ibu... Ibu! Tolong Rina Ibu! Adik sakit!" Aku menjerit.



“Rina! Rina di mana? Apa yang sudah terjadi?”
Terdengar jeritan Ibu dalam nada penuh kebingungan. Tiba-tiba aku terdengar satu dentuman kuat. Bunyinya seakan-akan satu benda berat terjatuh kuat ke lantai. Aku memalingkan kepalaku. Alangkah terperanjatnya apabila aku terlihat Ibu merangkak-rangkak sambil meraba-raba di lantai menuju ke arah aku dan Lina.

Aku tersepit. Ingin aku pergi mendapatkan ibu tetapi aku terlalu risaukan Lina. Tanpa berlengah aku menekan nombor ambulans. Hanya Tuhan sahaja yang tahu perasaanku ketika itu. Apakah yang akan terjadi kepada engkau, Lina? Aku meraung di sisinya.

Tiba di Hospital Besar Singapura, anggota paramedik bergegas menyorong Lina ke Bilik Kecemasan. Aku dan ibu terpaksa menunggu di luar. Aku tidak dapat duduk diam, asyik bermundar-mandir. Aku dilanda kerisauan. Adakah aku akan kehilangan seorang lagi orang yang aku sayangi?

Daun pintu Bilik Kecemasan terbuka. Doktor yang merawat Lina keluar membawa sehelai kertas putih di tangannya. Wajahnya gusar sambil menunduk. Adakah itu surat pengesahan kematian! Oh Tuhan! Aku **bermunajat**. Janganlah Engkau mengambilnya daripadaku!”

Doktor itu mendongak lalu berkata, “Keluarga Nurilah Lina Bte Mohd Zamri...”

Aku bergegas mendekatinya lalu bersuara, “Saya kakaknya. Bagaimana keadaan Lina?” Doktor itu memandangkanku dengan tajam.

“Saya Doktor Azhar. Adik awak Lina masih belum sedarkan diri. Saya telah memeriksa adik awak. Dia masih memerlukan beberapa ujian. Keadaannya belum stabil dan buat masa sekarang kami dapat putuskan yang dia menghadapi komplikasi kronik *Post-Renal* iaitu kegagalan ginjal.”



Komplikasi? Itulah yang bermain di fikiranku. Jantungku berdegup kencang. Bimbang penyakit Adik kembali lagi. Semasa kecil, Lina telah disahkan menghidap penyakit ini sehinggakan dia terpaksa menjalani pembedahan ginjal. Selama ini pun dia hidup bergantung dengan satu ginjal sahaja. Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Mengapakah Kau kembalikan lukanya, oh Tuhan?

“Dia mempunyai penyakit ini sejak kecil lagi tetapi dia sudah menjalani pembedahan. Adakah ginjalnya yang satu lagi turut mengalami infeksi?” Aku ajukan pertanyaan kepada Doktor Azhar.

“Tepat sangkaan awak. Lina harus menjalani pembedahan pemindahan ginjal dengan segera. Sementara menantikan penderma, Lina harus menjalani rawatan dialisis,” Doktor Azhar menjawab.

Kos rawatan Lina mahal dan hampir di luar kemampuan keluargaku. Terlalu mahal. Bil elektrik dan bil yuran sekolah Lina pun belum lagi dibayar. Bagaimana harus aku membayar semua itu? Aku harus mencari jalan. Mengundur daripada masalah bukan jalan penyelesaiannya.

Beberapa minggu berlalu dan keadaan Adikku semakin serius. Setiap kali aku melihat Lina, aku dapat rasakan kesakitan yang dilaluinya. Apabila dia menjalani **dialisis**, aku akan menutup mataku. Tidak tertahan hati ini melihat

jururawat mencucuk jarum ke urat Lina. Tangisan Lina membuatkan keadaan bertambah rumit untuk ditelan. Badannya bertambah kurus. Setiap malam dia meraung kesakitan dalam tidurnya.



Nasib baik kami masih ada Ibu. Beliau lah yang sering mendampingi Adik di hospital sementara aku keluar

mencari rezeki untuk menampung keluarga. Aku perlu bekerja keras bagi mendapatkan wang untuk membayar bil hospital Adikku. Aku tidak boleh mengadu letih! Tidak boleh sama sekali!

Aku habiskan masaku bekerja demi menyara Adik dan Ibuku. Beberapa hari berlalu namun adikku masih juga tidak beransur pulih. Keadaannya semakin **memburuk**. Doktor masih belum menemukan ginjal yang sesuai untuknya. Hatiku berat melihat penderitaan Adik. Fikiranku buntu. Terkadang hidup ini sangat tidak adil. Kenapa nasibku sebegini?

Di saat itulah aku teringat pada kata-kata arwah Ayah, "Jangan pernah sesekali berputus asa. Setiap cabaran pasti ada berkat di sebaliknya."

Hanya ada satu sahaja cara untuk menyelamatkan Adik. Ya. Aku yakin.

Aku membuat keputusan untuk menjadi seorang penderma. Lina tidak harus menderita lagi. Cukuplah segala kesakitan yang dirasainya selama ini. Aku sanggup berkorban untukmu Dik.

Positif. Itulah keputusan yang dinyatakan doktor hasil daripada ujian ginjaiku. Tiada siapa yang tahu betapa lega, gembira dan bersyukur aku ketika itu. Ginjaiku dapat membantu Lina untuk menjalani hidup seperti orang biasa. Ginjaiku rupa-rupanya satu **anugerah** yang menjadi penyelamat Lina.

Mungkin inilah yang dimaksudkan Ayah selama ini. Apakah ginjal bagiku jika aku tidak menyelamatkanmu, Dik.

Renungan

Dalam kehidupan ada kalanya kita perlu melakukan pengorbanan. Pengorbanan sering dilakukan dengan rasa tanggungjawab tanpa paksaan.

Apakah renungan kamu mengenai nasib yang menimpa keluarga Rina?

Glosari

1. **galau** – kacau, berkecamuk
2. **menerawang** – berpusing-pusing tanpa haluan atau tujuan
3. **meragut** – mengambil
4. **memalingkan** – berpusing, pandangan yang dialihkan ke satu arah yang lain
5. **tombol** – tangkai bagi pintu
6. **bermunajat** – berdoa untuk mengharapkan pertolongan daripada Tuhan
7. **dialisis** – proses mencuci darah bagi pesakit ginjal
8. **memburuk** – semakin parah atau serius, bertambah teruk
9. **anugerah** – satu pemberian

SEKALUNG BUDI

Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumbuh di hujung taman;
Kalungan budi junjungan kasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah mentauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Rahsia** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi pelajar di sekolah menengah di Singapura.



Ministry of Education
SINGAPORE

